

02 OCT 2003

MMU-SIMPOSIUM

KERJASAMA DIPERLUKAN UNTUK MAJUKAN R&D, KATA MOGGIE

PETALING JAYA, 2 Okt (Bernama) -- Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie berkata wawasan 2020 negara adalah untuk menyaksikan Malaysia menjadi sebuah negara maju sepenuhnya bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi juga pengetahuan dan teknologi.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Simposium Antarabangsa Teknologi Maklumat dan Komunikasi 2003 Universiti Multimedia (MMU) 2003 atau lebih dikenali sebagai M2USIC 2003, di sini, hari ini.

Beliau memuji usaha universiti itu yang bekerjasama dengan rakan kongsi tempatan dan juga antarabangsa untuk menganjurkan simposium berkaitan penyelidikan.

MMU merupakan satu daripada peserta utama dalam menyediakan pekerja berpengetahuan yang diperlukan oleh negara, katanya.

Dalam bahagian penyelidikan dan pembangunan (R&D), MMU mengadakan kerjasama dengan peserta industri tempatan dan asing utama seperti Microsoft, Sun, IBM, Nokia, Intel, Fujitsu, Alcatel, Cisco, Siemens, NTT dan lain-lain.

Beliau berkata perkongsian itu mencerminkan kerjasama rapat yang telah terjalin antara MMU dan industri berkenaan.

Moggie menyatakan kerajaan berhasrat untuk memperkenalkan usaha-usaha R&D di negara ini dan telah memperuntukkan RM183.6 juta bagi R&D dalam Bajet 2004 yang diumumkan oleh Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini.

Moggie berkata kerjasama itu menumpukan kepada program R&D dorongan pasaran yang bertujuan memperdagangkan keluaran dan produk penyelidikan.

Dalam hal ini, katanya, tiga institusi penyelidikan bioteknologi baru akan dibina di Cyberjaya.

Beliau berkata kerajaan mengenalpasti potensi pertumbuhan besar dalam industri komunikasi dan maklumat.

Beliau berkata, "menerusi peranan dan sokongan sektor swasta dan institusi pendidikan tinggi seperti MMU, kami akan terus meningkatkan kedudukan Malaysia dalam industri serta mengukuhkan kumpulan pekerja berpengetahuan dan mahir serta pakar-pakar.

Sementara itu, pengerusi M2USIC 2003, Chuah Hean Teik berkata simposium dua hari yang bertemakan "Kemajuan ICT bagi Masyarakat Maklumat Global Terjamin," akan menyediakan medan bagi peserta berkongsi pengetahuan mereka mengenai teknologi terkini, aliran dan keluaran penyelidikan dalam ICT.

Chuah berkata M2USIC sentiasa mengikuti perkembangan terkini dalam teknologi dan peluang perniagaan dalam ICT.

Simposium itu menarik lebih 200 peserta daripada pelbagai institusi dan universiti dan sejumlah 47 kertas kerja teknikal akan dibentangkan. --

BERNAMA

SAK KTC ZK